

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/1994

Oktober/November 1993

**BBT 443 - BOTANI EKONOMI**

Masa: [3 jam]

---

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

---

.../2

(BBT 443/3)

1. Anda ingin memajukan sebidang tanah milik anda seluas 10ha di Cameron Highland dengan perusahaan bunga-bungaan untuk di eksport ke luar negeri. Kawasan ini terletak lebih kurang 1200m di atas paras permukaan laut. Buatkan satu rangka kerja program dan tindakan yang akan anda lakukan bermula dari peringkat persediaan tapak tanaman hingga ke peringkat tersedia untuk dieksportkan, termasuk langkah-langkah kuarantin.

(20 markah)

2. Bagaimanakah penyelidikan di bidang pertanian dapat membantu memajukan sektor pertanian bagi memenuhi hasrat wawasan 2020? Berikan contoh-contoh jika perlu.

(20 markah)

3. (a) Senaraikan faktor-faktor yang membantu Malaysia sebagai salah satu pusat domestikasi tanaman.

(10 markah)

- (b) Apakah pengaruh perdagangan rempah terhadap masyarakat di negara-negara Eropah di abad kel4 - 15?

(10 markah)

(BBT 443/3)

4. Apakah sumber-sumber genetik tumbuhan? Mengapakah pentingnya memelihara kevariabelan genetik tumbuh-tumbuhan ekonomi? Mengapakah dikatakan bahawa amalan pertanian moden mengancam kevariabelan genetik? Bagaimanakah kevariabelan genetik tumbuh-tumbuhan dapat dipelihara?

(20 markah)

5. Tulikan nota-nota tentang punca, kegunaan dan kepentingan ekonomi bagi setiap daripada berikut:-

- (a) getah  
(b) minyak daripada tumbuh-tumbuhan

(20 markah)

6. Bincangkan penggunaan steroid dan alkaloid tumbuhan oleh manusia.

(20 markah)

-0000000-